

DASAR- DASAR JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

DASAR PAJAKAN TAPAK-TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) MILIK MPSP YANG DISERAHKAN OLEH PEMAJU UNTUK DIMOHON OLEH PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KEAGAMAAN BAGI TUJUAN PEMBINAAN RIBI

Syarat-syarat pajakan adalah seperti berikut:-

- i) Tempoh pajakan adalah selama 10 tahun dan dengan opsyen untuk melanjutkan tempoh pajakan selama 10 tahun lagi;
- ii) Kadar bayaran RM600 setahun;
- iii) Deposit pajakan ialah RM600;
- iv) Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan-pelan yang berkaitan untuk kelulusan MPSP sebelum apa-apa pembinaan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kelulusan Pihak Berkuasa Negeri;
- v) Pemohon bertanggungjawab atas segala perbelanjaan dan bertanggungjawab bagi penyediaan dan pemprosesan pelan, kos pembinaan dan penyelenggaraan bangunan ini;
- vi) Pemohon bertanggungjawab untuk membayar caj cukai tanah, bil utiliti seperti air, elektrik dan lain-lain bayaran utiliti di sepanjang tempoh pajakan;
- vii) Pemohon dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengemukakan setiap dua (2) bulan kepada MPSP salinan resit bayaran bil air, bil elektrik dan lain-lain bayaran utiliti serta resit bayaran cukai tanah di sepanjang tempoh pajakan;
- viii) Pelan susunatur dan pelan bangunan akan ditandatangani oleh Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta sebagai tuan tanah;
- ix) Tapak RIBI yang dipajakkan kepada pemohon hendaklah digunakan bagi maksud yang berkaitan dengan RIBI sahaja;
- x) Pemohon hendaklah memastikan tapak MPSP yang dipajak ini tidak dipajak kecil, disewakan atau digunakan oleh pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis MPSP;
- xi) Pemohon hendaklah memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di atas tapak yang dipajakkan daripada MPSP tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar, tidak mengganggu aliran lalu-lintas dan tidak melanggar apa-apa perundungan yang berkuatkuasa di Malaysia;
- xii) Pemohon hendaklah memastikan tapak yang dipajak daripada MPSP ini sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur;
- xiii) Di akhir pajakan atau apabila berlaku penamatan awal pajakan, pemohon dikehendaki menyerah keseluruhan tapak dan apa-apa bangunan di atasnya kepada MPSP tanpa menuntut apa-apa gantirugi;

- xiv) Pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, salinan sijil pendaftaran pertubuhan, senarai ahli jawatankuasa pertubuhan dan surat sokongan ADUN kawasan / penyelaras KADUN ketika membuat permohonan;
- xv) Pajakan tanah MPSP ini adalah berdasarkan kaedah 'as is where is'. Sebarang kos untuk membaikpulih tapak, menaiktaraf tapak, membersihkan tapak serta lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungan pemohon;
- xvi) Mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian pajakan ini dengan memberi pihak satu lagi tiga (3) bulan notis secara bertulis;
- xvii) Pemohon bertanggungjawab untuk menanggung segala kos berkaitan dengan pendaftaran pajakan tanah MPSP serta duti setem yang terlibat; dan
- xviii) Pemohon dikehendaki menandatangani perjanjian pajakan dan menanggung segala kos berkaitan perjanjian pajakan tersebut.

Semua permohonan pajakan tapak-tapak RIBI milik MPSP oleh pertubuhan keagamaan hendaklah dialamatkan kepada:-

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
 Majlis Perbandaran Seberang Perai
 Jalan Perda Utama
 Bandar Perda
 14000 Bukit Mertajam.

Semua permohonan yang diterima akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan untuk pertimbangan dan perakuan sebelum dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis Penuh. Selepas kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh, barulah permohonan oleh pertubuhan keagamaan untuk memajak tapak RIBI milik MPSP akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa RIBI yang dipengerusikan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo selaku Exco Perancangan Bandar dan Desa serta Perumahan untuk perakuan jawatankuasa sebelum dibawa ke Mesyuarat MMK untuk kelulusan kerana mengikut Akta Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 101 (r), apa-apa permohonan untuk memajak harta tak alih milik Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

(Diluluskan pada Mesyuarat Majlis Penuh yang ke- 471 bertarikh 27 September 2013)